



27 Jun 2014
27 June 2014
P.U. (A) 179

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PENAPISAN FILEM (FI) (PINDAAN) 2014

FILM CENSORSHIP (FEES) (AMENDMENT) REGULATIONS 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENAPISAN FILEM 2002

PERATURAN-PERATURAN PENAPISAN FILEM (Fi) (PINDAAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 27(b) Akta Penapisan Filem 2002 [Akta 620], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Penapisan Filem (Fi) (Pindaan) 2014.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2014.

Pindaan Jadual

2. Peraturan-Peraturan Penapisan Filem (Fi) 2011 [P.U. (A) 16/2011] dipinda dengan menggantikan Jadual dengan Jadual yang berikut:

“JADUAL
BAHAGIAN I
FILEM SINEMATOGRAFI

<i>Bil.</i>	(1) <i>Perkara</i>	(2) <i>Fi yang kena dibayar (RM)</i>
1.	<p>(a) Jika suatu filem sinematografi asal yang penayangannya disertai dengan bunyi atau tidak disertai dengan bunyi (filem sinematografi bisu) dikemukakan bagi maksud penapisan dan Lembaga, setelah membuat penapisan—</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) meluluskan filem itu untuk ditayangkan tanpa apa-apa pengubahan sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 10(1)(a) Akta; (ii) meluluskan filem itu untuk ditayangkan dengan pengubahan sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 10(1)(b) Akta; atau (iii) enggan meluluskan penayangan filem itu sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 10(1)(c) Akta. <p>(b) Jika suatu filem sinematografi yang dikemukakan bagi maksud penapisan ialah pendua bagi filem yang dirujuk dalam subperenggan (a), tanpa mengira sama ada Lembaga meluluskan filem itu dengan atau tanpa pengubahan di bawah perenggan 10(1)(a) atau (b) Akta.</p>	<p>5.60</p> <p>5.60</p> <p>5.60</p> <p>2.80</p> <div style="text-align: right; margin-top: -100px;"> <p>bagi setiap minit atau sebahagian daripadanya</p> </div>

<i>Bil.</i>	(1) <i>Perkara</i>	(2) <i>Fi yang kena dibayar (RM)</i>
2.	<p>(a) Jika suatu filem sinematografi asal yang diimport atau disewa oleh persatuan filem <i>bona fide</i> atau mana-mana persatuan lain untuk tayangan tanpa keuntungan di suatu festival filem dikemukakan bagi maksud penapisan dan Lembaga, setelah membuat penapisan—</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) meluluskan filem itu untuk ditayangkan tanpa apa-apa pengubahan sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 10(1)(a) Akta; (ii) meluluskan filem itu untuk ditayangkan dengan pengubahan sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 10(1)(b) Akta; atau (iii) enggan meluluskan penayangan filem itu sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 10(1)(c) Akta. <p>(b) Jika suatu filem sinematografi yang dikemukakan bagi maksud penapisan ialah pendua bagi filem yang dirujuk dalam subperenggan (a), tanpa mengira sama ada Lembaga meluluskan filem itu dengan atau tanpa pengubahan di bawah perenggan 10(1)(a) atau (b) Akta.</p>	<p>2.80</p> <p>2.80</p> <p>2.80</p> <p>1.12</p> <p style="text-align: right;">bagi setiap minit atau sebahagian daripadanya</p>
3.	Jika mana-mana bahan publisiti berkenaan dengan filem sinematografi dikemukakan bagi maksud kelulusan oleh Lembaga di bawah subseksyen 19(1) Akta, tanpa mengira sama ada Lembaga meluluskan atau enggan meluluskan penayangan, pengedaran atau pertunjukan bahan itu dengan atau tanpa pengubahan.	100.00 bagi suatu tajuk

<i>Bil.</i>	(1) <i>Perkara</i>	(2) <i>Fi yang kena dibayar (RM)</i>
4.	Jika pemunya filem sinematografi merayu kepada Jawatankuasa Rayuan di bawah seksyen 21 Akta.	1000.00 bagi suatu tajuk
5.	Jika pemunya bahan publisiti filem merayu kepada Jawatankuasa Rayuan di bawah seksyen 21 Akta.	400.00 bagi suatu tajuk
6.	<p>(a) Jika suatu salinan asal dan pendua bagi suatu Perakuan "A" dikeluarkan oleh Lembaga di bawah seksyen 14 Akta kepada suatu filem sinematografi.</p> <p>(b) Jika suatu Perakuan "B" dikeluarkan oleh Lembaga di bawah seksyen 17 Akta kepada salinan pendua suatu filem sinematografi.</p>	20.00 10.00 <div style="text-align: right; margin-top: -20px;"> } bagi suatu Perakuan </div>